



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj. Kami : JPA(S)NP.134/8/1 Jld.21(55)
Tarikh : 5 Ogos 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan/Puan,

**ARAHAN PENEMPATAN DAN MELAKSANAKAN TUGAS
JAWATAN LEBIH TINGGI TANPA KELULUSAN LEMBAGA
KENAIKAN PANGKAT**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, Jabatan ini mendapati dalam urusan pemangkuan pegawai awam, berlaku kes-kes di mana seseorang pegawai telah diarah melaksanakan tugas jawatan yang lebih tinggi sebelum diluluskan pemangkuan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat (Lembaga). Arahan tersebut adalah bertentangan dengan Perkara 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 [P.U. (A) 75/2010] dan Perkara 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran 2010 [P.U. (A) 24/2010] yang menetapkan bahawa tiada arahan pemangkuan boleh dikeluarkan tanpa kelulusan Lembaga.

3. Selain daripada itu, terdapat juga Ketua Jabatan yang membuat penempatan tanpa mengikut waran perjawatan yang diluluskan. Arahan penempatan sedemikian adalah tidak teratur kerana ia tidak dibuat berdasarkan prinsip *rate for the job*, menjejaskan struktur organisasi sedia ada serta turut memberikan implikasi dari aspek perkhidmatan sekiranya sesuatu yang tidak diingini berlaku kepada diri

pegawai. Penempatan sedemikian juga boleh menimbulkan masalah lain dalam aspek pengurusan kewangan.

4. Bagi memastikan urusan penempatan dan arahan menjalankan tugas jawatan yang lebih tinggi dibuat secara teratur, Tuan/Puan adalah **diminta memastikan ianya dipatuhi dan tiada arahan untuk menjalankan tugas jawatan yang lebih tinggi dibuat terlebih dahulu tanpa kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat.**

5. Perhatian dan kerjasama Tuan/Puan memastikan penempatan dan arahan pelaksanaan tugas oleh pegawai Tuan/Puan dibuat secara teratur amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k.:

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan